

27 JUL 2000

Mahathir-Keamanan

DR MAHATHIR MINTA RAKYAT HARGAI KEAMANAN

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa rakyat pelbagai kaum di negara ini agar menghargai keamanan yang ada serta menghormati undang-undang negara bagi mengelak wujud keadaan huru-hara.

Perdana Menteri berkata walaupun masyarakat negara ini sudah biasa dengan suasana aman dan menganggap ia sebagai perkara biasa yang akan sentiasa wujud di kalangan mereka, tetapi pada masa-masa tertentu masalah boleh timbul sekiranya suasana aman itu tidak dihargai.

"Kalau kita tidak menghargainya, mungkin kita akan kehilangan suasana aman ini dan pada ketika itulah barulah kita benar-benar menghargainya," katanya pada majlis makan malam bersama rakyat di sini.

Antara langkah berjaga-jaga yang perlu dilakukan bagi mengelak berlaku huru-hara ialah dengan berbaik-baik sesama kaum.

"Malangnya ada sesetengah orang yang tidak menghargai keamanan dan mahu mencetuskan huru-hara. Sementara sebahagian besar rakyat suka kepada keamanan, kumpulan ini pula suka mengganggu keamanan kerana mereka nak sesuatu daripada keadaan yang tidak stabil," katanya.

Dr Mahathir juga berkata semua orang perlu menghormati undang-undang negara dan tidak bertindak sendiri dengan cara yang ganas dalam menyelesaikan sesuatu perkara.

Menurut beliau, undang-undang perlu sentiasa dihormati walaupun seseorang itu mungkin berpendapat bahawa ia tidak membawa kebaikan kepada diri sendiri.

"Jika kita bertindak ganas, maka orang lain pula akan bertindak ganas terhadap kita. Jika di satu tempat kita majoriti dan kerana itu kita bertindak ganas, maka di tempat yang kita minoriti, tindakan ganas akan dilakukan terhadap kita.

"Dengan itu teraniyalah orang yang tidak begitu ramai di sesuatu tempat," katanya.

Pengalaman di negara lain yang sentiasa berhadapan dengan suasana tidak tenteram akibat sikap tidak toleran sesetengah golongan, perlu dijadikan pengajaran oleh penduduk negara ini.

"Kita tidak mahu ada pelampau di negara kita. Kalau ada masalah, kita perlu berunding untuk menyelesaikannya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

JS MAI